

**TEKS UCAPAN  
WAKIL  
NAIB CANSOLOR  
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

---

**Eksplorasi Cinta Patriotik**

**3 OGOS 2019 (SABTU)  
8.30 PAGI, DATARAN LAMAN HIKMAH**

Bismillah Hirrahan Nirrahim

Terima kasih saudara dan saudari pengacara majlis.

**1. Yang Berhormat Datuk Muhammad Jailani bin Khamis**

Exco Pelancongan, Warisan dan Kebudayaan Negeri Melaka

**2. Yang Berusaha Doctorandus Mohd Nasarudin bin Abdul Rahman**

Pengurus Besar Perbadanan Muzium Melaka

**3. Yang Berusaha Encik Nurman Bin Mohd Baroldin**

Pengurus Besar Institut Warisan Melaka

**4. Yang Berusaha Encik Azlan Bin Abidin,**

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Sungai  
Dan Pantai Melaka

**5. Yang Berusaha Encik Wan Mohd Ezmi Bin Wan Zin**

Pengurus Cawangan, Nyala Satria (M) Sdn. Bhd (ADABI)

**6. Yang Berusaha Dr. Zawiah binti Mat**

Dekan, Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan, UTeM

7. Pegawai-pegawai Kanan Universiti, Dif-Dif Jemputan, Rakan Media, Jawatankuasa Pelaksana, Staf, Pelajar, Hadirin dan Hadirat sekalian.

**Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh, Salam Sejahtera, Salam Melaka Berwibawa, Pintar, Hijau, Bersih.**

1. Pertama sekali, saya ingin sampaikan salam dari YBhg. Prof. Dr. Raha Abdul Rahim, Naib Canselor UTeM khususnya kepada Yang Berhormat Exco dan hadirin dan hadirat sekalian. Beliau tidak dapat bersama-sama kita pada majlis pagi ini kerana mempunyai komitmen lain yang tidak dapat dielakkan. Beliau berharap program pada pagi ini berjalan lancar dan mencapai objektif penganjurannya.

## **Hadirin dan Hadirat sekalian**

2. Alhamdulillah, marilah sama-sama kita panjatkan rasa syukur yang tidak terhingga ke hadrat Allah SWT, atas limpah kurnia dan izin-Nya, yang memberi kita kesempatan untuk bersama-sama berhimpun pada pagi ini bersempena Program Eksplorasi Citra Patriotik 2019.

3. Bagi pihak Pengurusan Tertinggi Universiti, saya amat mengalu-alukan kehadiran Yang Berhormat Datuk Muhammad Jailani bin Khamis, Exco Pelancongan, Warisan dan Kebudayaan Negeri Melaka ke program pada pagi ini. Terima kasih Yang Berhormat Datuk kerana sudi memenuhi jemputan UTeM. Kehadiran Yang Berhormat membuktikan sokongan padu yang berterusan pihak Kerajaan Negeri dalam menjayakan program dianjurkan Universiti ini yang semestinya memberi manfaat dalam melengkapi ekosistem pembelajaran

mahasiswa dan mahasiswi universiti ini. Terima kasih sekali lagi.

4. Di kesempatan ini, saya bagi pihak Universiti Teknikal Malaysia Melaka ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Perbadanan Muzium Melaka, Institut Warisan Negeri Melaka, Perbadanan Pembangunan Sungai dan Pantai Melaka, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Melaka, pihak Mydin dan Adabi kerana sudi



berkolaborasi bersama-sama Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan, UTeM sehingga program ini dapat direalisasikan seperti mana yang telah dirancangkan awal.

5. Program pada pagi ini amat signifikan diadakan kerana ia merupakan program pertama yang dianjurkan oleh UTeM di dalam bulan Ogos, iaitu bulan yang amat sinonim dengan semangat kecintaan, patriotisme dan kemerdekaan Negara tercinta ini.

## **Hadirin dan Hadirat sekalian,**

6. Kita perlu sedar bahawa semangat patriotisme amat penting disemai dalam setiap jiwa rakyat Malaysia, terutamanya di kalangan mahasiswa dan mahasiswi Universiti. Semua kejayaan yang dicapai oleh Negara sehingga ke hari ini merupakan hasil perjuangan berhabis-habisan generasi-generasi sebelum ini dan pejuang-pejuang masa kini yang inginkan lebih kesejahteraan, kemakmuran dan keharmonian

bumi Malaysia yang bertuah ini. Sememangnya kita sebagai rakyat di negara ini sangat beruntung kerana terus dikurniakan suasana kehidupan yang aman dan sejahtera di samping pembangunan serta pencapaian yang cemerlang dan gemilang dalam kepelbagaian aspek keperluan. Alhamdulillah.

## **Hadirin dan Hadirat sekalian,**

7. Eksplorasi Cinta Patriotik merupakan program santai dianjurkan bukan sahaja bertujuan untuk menguji keupayaan fizikal dan mental para peserta dalam mengharungi segala cabaran yang diberikan, malah asas penganjurannya adalah untuk memupuk semangat patriotik dan cintakan negara di kalangan mahasiswa dan mahasiswi yang mengambil bahagian dalam program eksplorasi ini.

8. Adat pertandingan, ada yang menang dan ada juga yang kecundang. Namun, di sebalik semangat juang yang berkobar untuk menjuarai pertandingan ini, apa yang lebih penting adalah mesej yang ingin disampaikan menerusi setiap cabaran dan tugas yang perlu ditempuhi. Justeru itu, hayatilah segala maksud tersurat dan tersirat dari setiap liku yang bakal saudara dan saudari harungi, supaya dapat menerbitkan jiwa patriotisme dan akar umbi nasionalisme yang lebih kental di dalam diri saudara dan saudari.

9. Insya Allah, program seumpama ini, walaupun ianya berbentuk umum, namun struktur penganjurannya sedikit sebanyak dapat mengukuhkan lagi sahsiah diri, untuk terus menyumbang kepada pemeraksanaan keterampilan diri di kalangan mahasiswa dan mahasiswi UTeM, yang lebih cintakan negara dengan lebih mendalam.

**Hadirin dan hadirat sekalian,**

10. Akhir kata, saya sekali lagi merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat Exco Pelancongan, Warisan dan Kebudayaan Negeri Melaka dan semua rakan kolaborasi yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan program ini.
  
11. Kepada Jawatankuasa Pelaksana, Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan, syabas dan tahniah di atas segala usaha

dalam merancang dan menzahirkan penganjuran program hari ini.

12. Semoga kerjasama pintar antara UTeM bersama agensi – agensi yang terlibat, tidak terhenti di sini tetapi dapat diteruskan lagi pada masa hadapan menerusi penganjuran lebih banyak aktiviti kolaborasi bersama UTeM, yang dapat memberi faedah dan kebaikan kepada kita bersama.

**Cantik sungguh si bunga kejora,**



**Dipetik oleh si anak dara;  
Perkasa semangat cinta negara,  
Malaysia berdaulat aman sejahtera.**

Sekian, terima kasih.

Wabillahitaufik wal hidayah wasalamualaikum wbt.